

# العامارات ALMUAMALAT

PENA SYARIAH BANK MUAMALAT ◆ VOLUME 01

## PERBANKAN ISLAM SATU PILIHAN ATAU KEWAJIPAN?

Oleh: Ustaz Mohd Hafiz Hj Fauzi & Ustaz Mohd Fadhl Mohd Faudzi

## WUJUDKAH BANK ISLAM DI ZAMAN NABI DAN SAHABAT?

- ◆ Issues of Implementing Islamic Hire Purchase in Dual Banking Systems
- ◆ Aplikasi Wa'd Dalam Produk Perbankan
- ◆ Sejarah Ringkas Perkembangan Sistem Perbankan Islam di Malaysia



بنك معاملات


**Bank Muamalat**

**www.i-muamalat.com.my**

**REGISTER FOR  
INTERNET BANKING  
NOW!!**

*i*-muamalat  
*..reaching You*

Contact Centre Toll Free No. 1 300 88 8787



# PERBANKAN ISLAM SATU PILIHAN ATAU KEWAJIPAN?

Tahun-tahun kebelakangan ini, telah menyaksikan satu kecenderungan sama ada dunia Islam mahupun dunia bukan Islam kepada penubuhan bank-bank yang menyediakan produk-produk Islam atau dengan kata lainnya "perbankan Islam". Kewujudan produk-produk seumpama ini boleh diibaratkan seperti bak tumbuhnya cendawan selepas hujan, walaupun pada sesetengah bank itu, mereka menawarkannya hanya melalui jendela Islam (Islamic window).

Oleh: Ustaz Mohd Hafiz Hj. Fauzi & Ustaz Mohd Fadhl Mohd Faudzi

5-6

## Topik

Sekapur Sirih Seulas Pinang	1
Sejenak Bersama...	2
Manusia Sebagai Hamba Allah	3
Pemikiran Ekonomi Ibn Qayyim Al-Jawziyyah	4
Perbankan Islam Satu Pilihan Atau Kewajipan?	5
Wujudkah Bank Islam di Zaman Nabi dan Sahabat?	7
Ringkasan Produk-Produk Perbankan Konsumen Bhg. 1	9
Aplikasi <i>Wa'd</i> Dalam Produk Perbankan	11
Shariah Glossary	13
Solat Jemaah & Sains	13
Islamic Forex Trading	14
Sejarah Ringkas Perkembangan Sistem Perbankan Islam di Malaysia	15
Issues of Implementing Islamic Hire Purchase in Dual Banking Systems: Malaysia's Experience	17
Sifat-Sifat Mahmudah	19

## muka surat

## SIDANG REDAKSI



### Advisor

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

### Chief Editor

Mohd Hafiz Haji Fauzi

### Editors

Mohd Fadhl Mohd Faudzi

Nurul 'Asyiqi Mohamed Salim

Nurul Huda Zainal

Hazrul Rashid

Ahmed Hakim al-Mohdhar Syed Mohamed

### Graphic Designer

Ahmad Adhha Zainudin

### Publisher


Corporate Communications Department,  
5th Floor, Menara Bumiputra, Jalan Melaka,  
50100 Kuala Lumpur.

## Wujudkah PERBANKAN ISLAM di Zaman Nabi & Sahabat ?

Terdapat banyak persoalan berkenaan asal usul bank dari perspektif Islam, ramai ilmuan yang menulis dalam bidang hal ini akan membuat kesimpulan tiada wujud sistem perbankan di zaman Nabi mahupun sahabat seperti yang wujud di zaman ini.

7-8





## **YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI MOHD REDZA SHAH ABDUL WAHID**

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Saya manajatkan rasa setinggi-tinggi kesukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. di atas segala nikmatNya yang tidak terhingga kepada kita semua. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga baginda dan para sahabat yang telah mengorbankan jiwa dan raga memperjuangkan sistem Islam ke seluruh pelusuk alam sehingga ke nafas yang terakhir.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Syariah di atas inisiatif menerbitkan makalah yang sangat bermanfaat ini demi berkongsi ilmu pengetahuan tentang Syariah Islamiah umumnya dan praktis perbankan Islam khususnya kepada kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).

Pihak Bank secara berterusan dan dari semasa ke semasa berusaha menggunakan pelbagai saluran bagi menyebarkan ilmu pengetahuan tentang perbankan Islam dan produk-produknya serta fatwa-fatwa Syariah yang berkaitan kepada seluruh warga Bank yang dikasihi. Justeru, diharapkan penerbitan risalah ini juga dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh semua warga BMMB.

Saya mengalu-alukan dan mendokong penuh penerbitan ini dan mengharapkan setiap warga Bank dapat mengambil peluang dan kesempatan ini untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan supaya setiap diri di kalangan kita pakar serta mahir dalam ilmu perbankan Islam, dan mampu memberikan sumbangan terbaik kepada pembangunan syarikat dan industri perbankan Islam.

Sekian, Wassalam.

# Sejenak Bersama...

Yang Berusaha Ustaz Mohd Hafiz Hj Fauzi  
Ketua Jabatan Syariah  
Bank Muamalat Malaysia Berhad



## KEPENTINGAN SYARIAH DALAM PERBANKAN ISLAM

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana telah diberi peluang untuk berkomunikasi dengan seluruh warga Bank melalui wadah ini.

Dalam kesibukan kita menjalankan tugas-tugas yang mencabar, pihak pengurusan Bank sentiasa menekankan aspek kepatuhan Syariah agar setiap aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Bank adalah selari dengan matlamat kita sebagai sebuah institusi perbankan Islam.

Apa yang lebih utama, kita perlu sedar bahawa perbankan adalah sebahagian daripada Syariah dan bukanlah Syariah sebahagian daripada perbankan. Dengan itu, halatuju dan panduan kita adalah lebih terarah demi mencapai kecemerlangan di dunia dan juga di akhirat kelak.

Jabatan Syariah dengan sokongan padu daripada pihak pengurusan Bank akan menggunakan pelbagai saluran seperti ceramah, program penerangan, sistem e-learning, insentif tambahan, emel, mesyuarat, forum, 'roadshow', dan pelbagai lagi bagi memastikan setiap mesej berjaya disampaikan.

Justeru itu, setiap daripada kita perlulah lebih gigih, bersatu, menguatkan tekad dan bekerja dalam menggembeleng tenaga untuk sama-sama memajukan dan memperjuangkan sistem perbankan Islam.

**“ Kita perlu sedar bahawa perbankan adalah sebahagian daripada Syariah dan bukanlah Syariah sebahagian daripada perbankan ...”**

Di sebuah balairaya...

Dunia hari ni sheikh, Islam pada nama, orang sentiasa bezakan antara Islam dan kehidupan, padahal Islam tu cara hidup.

Minggu lepas, ana ada pi sebuah bank Islam, kebanyakan pekerja dia tudung pun tak pakai, baju ketat. Mana pi Islamnya?

**SENGAT CIK LEBAH**





LAMAN WAHYU

# Manusia Sebagai Hamba Allah

Perkataan hamba yang dimaksudkan dalam konteks hamba Allah bukanlah seperti mana definisi hamba kepada manusia. Ini kerana Allah adalah Tuhan yang menciptakan manusia, dan kepadaNya ialah perhambaan selayaknya.

## Kepada Siapakah Perhambaan Selayaknya

1. Manusia tidak berhak memperhambakan sesama manusia kerana manusia bersifat lemah, dan tidak layak untuk mengaku sebagai tuan. Logiknya jika seseorang itu tidak mampu untuk memastikan kesihatannya, keselamatannya ataupun nasibnya, adakah ia layak untuk menghambakan orang lain?

Jika ia diciptakan, bolehkah ia mengaku sebagai pemilik kepada yang bukan ciptaanNya?

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. [51:56]

Di dalam ayat di atas, secara jelas telah menerangkan tujuan penciptaan kita di muka bumi ini, iaitu untuk memperhambakan diri kepada Allah, bukanlah kepada selainNya.

2. Risalah Islam telah datang untuk membebaskan perhambaan yang batil kepada perhambaan yang sebenarnya. Pada masa ianya diturunkan di Semenanjung Arab, di kala itu manusia memperhambakan sesama manusia, bahkan memperhambakan diri kepada objek, patung-patung yang sama sekali tidak boleh memudarati dan tidak boleh memberi manfaat (latta & izza) dan Islam datang dengan pembebasan yang sebenar, kemerdekaan yang mutlak dari belenggu perhambaan selain Allah.

Dengan perkataan lain, perhambaan seseorang itu semestinya hanyalah untuk Allah sahaja tanpa menyekutukanNya dengan selainNya.

“Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam (menjalankan) agama dengan lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan yang demikian itulah agama yang lurus.”

(al-Bayyinah : 5)

# **TOKOH EKONOMI ISLAM**

## **PEMIKIRAN EKONOMI IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

Oleh: Prof. Dr. Joni Tamkin Bin Borhan\*

### **PENDAHULUAN**

Penulisan ini menjelaskan tentang pemikiran dan sumbangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (691/1292–751/1350) dalam ekonomi. Dalam beberapa penulisannya di pelbagai tempat Ibn Qayyim membincangkan antara lain tentang asas falsafah ekonomi Islam, konsep kekayaan dan kemiskinan, ekonomi zakat, konsep faedah, riba al-fadl dan riba al-nasi'ah, mekanisme pasaran dan peletakan harga. Intipati utama dalam pemikiran ekonominya ialah merealisasikan konsep kebijakan sosial, pelaksanaan keadilan dan penghapusan eksploritasi dalam kehidupan perekonomian.

### **RIWAYAT HIDUP IBN QAYYIM**

Nama beliau ialah Shams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad b. Abu Bakr b. Sa'ad yang terkenal dengan nama Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Ibn Qayyim dilahirkan pada 7 Safar 691H/ 9 Januari 1292M di Damsyik dan meninggal dunia pada tempat yang sama pada tahun 751H/1350M. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan dan mencintai ilmu pengetahuan. Ayahnya adalah guru pertama Ibn Qayyim yang telah mengajarkan kepadanya ilmu-ilmu asas Islam termasuk ilmu al-fara'id.

Beliau telah menuntut pelbagai bidang pengajian dengan beberapa orang ulama' terkenal pada waktu berkenaan. Antara bidang pengajian yang dipelajari daripada mereka ialah tafsir al-Qur'an, hadith, usul al-fiqh dan fiqh. Kesungguhan dan ketekunan Ibn Qayyim mempelajari ilmu dalam pelbagai bidang akhirnya menjadikan beliau terkenal sebagai seorang tokoh dalam bidang fiqh, usul al-fiqh, tafsir, bahasa Arab, ilmu kalam dan hadis. Malah menurut Ibn 'Imad, Ibn Qayyim adalah seorang yang alim dalam bidang tasawuf.

Ibn Qayyim sangat terkenal sebagai seorang ilmuwan pada zamannya dan dapat menguasai pelbagai bidang ilmu. Beliau adalah salah seorang faqih yang mempunyai autoriti dalam Mazhab Hanbali. Ada sesetengah ulama' sufi menggelar sebagai sufi agung. Beliau juga mempunyai personaliti dan peribadi yang baik yang amat sukar ditandingi oleh orang lain yang semasa dengannya. Ibn Kathir (m. 774H/1373M), salah seorang anak muridnya pernah menyatakan bahawa Ibn Qayyim adalah seorang yang kuat beribadat dan peribadi yang disukai oleh orang ramai pada waktu itu. Beliau menulis:

"Aku tidak pernah melihat pada zaman kami ini, orang yang kuat beribadat seperti Ibn Qayyim. Apabila sembahyang, sembahyangnya begitu lama. Beliau memanjangkan rukuknya dan juga sujudnya".

Selaku seorang ulama' yang terkenal, Ibn Qayyim telah didampingi oleh ramai orang yang berguru dan mempelajari pelbagai bidang ilmu dengannya. Antara anak-anak muridnya yang masyhur ialah Ibn Kathir, tokoh dalam ilmu hadis dan sejarah, Zayn al-Din Ibn Rajab al-Hanbali (m. 795H/1397M) seorang tokoh dalam Mazhab Hanbali dan Ibn Hajar al-'Asqalani (m. 852H/1449M) seorang tokoh hadis yang tidak asing lagi.

### **PEMIKIRAN EKONOMI IBN QAYYIM**

Terdapat lima perkara utama pemikiran Ibn Qayyim dalam ekonomi iaitu:

1. Falsafah ekonomi Islam
2. Perbandingan dan perbezaan antara kekayaan dan kemiskinan
3. Kepentingan ekonomi zakat
4. Bunga - riba al-fadl dan riba al-nasi'ah
5. Mekanisme pasaran dan penghargaan

bersambung...

\*Dr. Joni Tamkin Borhan, PhD adalah Professor di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan beliau juga adalah Timbalan Pengarah, Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

**PERBANKAN ISLAM**

# **SATU PILIHAN ATAU KEWAJIPAN?**

Oleh: Ustaz Mohd Hafiz Hj. Fauzi & Ustaz Mohd Fadhl Mohd Faudzi\*

Pertumbuhan Pesat Sektor Perbankan Islam

Tahun-tahun kebelakangan ini, telah menyaksikan satu kecenderungan sama ada dunia Islam mahupun dunia bukan Islam kepada penubuhan bank-bank yang menyediakan produk-produk Islam atau dengan kata lainnya "perbankan Islam". Kewujudan produk-produk seumpama ini boleh diibaratkan seperti bak tumbuhnya cendawan selepas hujan, walaupun pada sesetengah bank itu, mereka menawarkannya hanya melalui jendela Islam (Islamic window).

Berdasarkan perangkaan yang telah dibuat oleh Bank Negara Malaysia (BNM), pertumbuhan perbankan Islam terutamanya bagi negara kita Malaysia telah mendapat sambutan yang begitu luarbiasa. Kita boleh lihat dari segi prestasi kewangannya, sebagai contoh pada tahun 2005: industri Perbankan Islam secara keseluruhan telah memperkenalkan prestasi cemerlang, dengan keuntungan dan aset, masing-masing buat pertama kalinya mele过asi RM1 bilion dan RM100 bilion dan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 17.7% dan mencakupi 11.3% daripada keseluruhan jumlah aset.

Sistem Perbankan bahagian pasaran bagi deposit dan pembiayaan juga meningkat, masing-masing kepada 11.7% dan 12.1% daripada jumlah keseluruhan industri.

Manakala, jumlah pembiayaan terkumpul pula, meningkat 16.5%, berikutan pertumbuhan dalam pembiayaan baru yang diluluskan dan dikeluarkan, masing-masing sebanyak 55.1% dan 19.4%, sementara nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih terus menurun kepada 4.8% pada akhir tahun 2005. Permodalan sektor perbankan Islam kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko terus bera pada paras melebihi 12% sepanjang tahun. Alhamdulillah.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, sehingga bulan Jun 2007, jumlah aset perbankan Islam ialah sebanyak RM143.7 bilion, jumlah deposit ialah RM107.5 bilion dan jumlah pembiayaan ialah RM81.5 bilion, di mana secara puratanya perbankan Islam telah menguasai 13% dalam pasaran kewangan negara.

Prestasi cemerlang instrumen kewangan Islam yang dicapai ini berikutan, adanya kerjasama dan sokongan padu daripada semua pihak termasuklah semua institusi perbankan yang menawarkan produk dan perkhidmatan Islam, Bank Negara, kerajaan pusat, kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkanun agama yang telah berjaya mengadakan dasar-dasar dan juga sistem yang lengkap untuk mengawal dan menggalakkan perkembangan perbankan Islam di negara kita. Tidak hairanlah jika negara asing turut mengiktiraf



Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang disegani. Ini kerana, kestabilan politik dan kekuatan ekonomi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor perbankan yang kukuh di negara ini.

Secara keseluruhannya, perkembangan yang sihat ini merupakan satu petanda kepada zaman kebangkitan Islam. Ia memberi gambaran bahawa dengan melaksanakan sistem Islam (dalam konteks ini adalah sistem perbankan Islam) yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T, dimana kita semua adalah khalifahNya, maka kemajuan demi kemajuan dengan izinNya bakal dikecapi dan yang lebih penting lagi semuanya di dalam redhaNya.

Perbankan Islam; satu pilihan atau kewajipan ?

Ramai masyarakat Islam dewasa ini menyatakan bahawa perbankan Islam dan sistem ekonomi Islam hanyalah sebagai alternatif kepada mereka! Bahkan ia bukan merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan sebagaimana kewajipan menunaikan solat lima waktu sehari semalam.

Allahuakbar! Sidang pembaca yang dimuliakan Allah S.W.T., fahaman dan dakwaan sebegitu adalah tidak benar sama sekali. Perlunya kewujudan sebuah sistem perbankan yang bercirikan Islam adalah merupakan satu tanggungjawab agama dan mengikuti sistem tersebut adalah menjadi suatu kewajipan. Inilah realiti yang perlu disematkan ke dalam jiwa mereka yang sudah mengucap dua kalimah syahadah.



Para pembaca sekalian! Apakah matlamat sebenar kejadian dan kelahiran kita ke dunia ini?

Kita sebenarnya dilahirkan hanyasanya untuk pengabdian kepada Tuhan Yang Satu iaitu Allah S.W.T. Oleh yang demikian, kewujudan sistem perbankan Islam ini bukanlah satu pilihan, malah ianya wajib bagi mencapai dan menyempurnakan konsep pengabdian tersebut. Lihat sahaja di dalam Firmanullah S.W.T. di dalam Surah adz-Zaariyat, ayat 56:

*"Dan tidak Aku ciptakan Jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri kepadaKu (Allah)"*

Sebagaimana yang telah kita nyatakan sebentar tadi, penciptaan kita sebagai manusia adalah secara syumulnya kerana dua dan kedua-duanya adalah berbalik kepada matlamat pengabdian tadi, pertama sebagai hambaNya dan yang kedua sebagai khalifahNya. Ini dapat dirujuk di dalam Surah al-An'aam, ayat 165:

*"Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikanNya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaanNya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

Oleh kerana itu, kita harus benar-benar faham bahawa sebagai hambaNya dan khalifahNya:-

Kita tiada pilihan lain melainkan melaksanakan dengan taat apa sahaja sistem-sistem yang telah 'digazetkan' oleh Allah S.W.T. ini untuk diamalkan oleh makhluk manusia.

Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

Kita wajib meyakini, bukan hanya sekadar percaya sahaja, bahawa setiap perintah Pencipta itu terkandung sarat di dalamnya pelbagai manfaat, kelebihan dan hikmah, duniawi dan ukhrawi. Firman Allah di bawah menjelaskannya:

*"Demikianlah (perihal Nabi Isa), yang Kami membacakannya kepadamu (wahai Muhammad, adalah ia) sebahagian dari hujah-hujah keterangan (yang membuktikan kebenarannya), dan dari Al-Quran yang penuh dengan hikmat-hikmat (pengetahuan yang tepat, lagi sentiasa terpelihara)." Al-Imran : 58*

Segala sistem atau peraturan Allah S.W.T. itu adalah bertujuan untuk menyelamatkan umat manusia daripada terjerumus ke dalam sistem-sistem yang bertentangan dengan hukum Syara'. Antaranya seperti sistem RIBA yang dikatakan menjadi ibu kepada sarang maksiat-maksiat kepada Allah S.W.T. Perlu kita ingat bahawa di dalam al-Quran hanya kepada dosa RIBA, Allah S.W.T dan RasulNya mengisyitiharkan perang. Ini menandakan begitu dahsyat sekali sistem RIBA yang diamalkan.

\* Ustaz Mohd Hafiz Hj. Fauzi merupakan Ketua Jabatan Syariah BMMB, manakala Ustaz Mohd Fadhl Mohd Faudzi pula menjawat jawatan sebagai Penolong Ketua Jabatan Syariah BMMB.

# Wujudkah **PERBANKAN ISLAM** Di Zaman Nabi & Sahabat ?

Oleh: Ustaz Zaharuddin Abd Rahman\*

Terdapat banyak persoalan berkenaan asal usul bank dari perspektif Islam, ramai ilmuwan yang menulis dalam bidang hal ini akan membuat kesimpulan tiada wujud sistem perbankan di zaman Nabi mahupun sahabat seperti yang wujud di zaman ini.

Adakah penuhan bank-bank Islam dewasa ini dianggap meniru pemikiran barat semata-mata, tidak bersih dari sudut asalnya serta tidak sesuai dengan sistem konvensional yang wujud?

Telah diterima di kalangan para ulama Islam, ciptaan-ciptaan baru di dalam bidang kewangan dan hal ehwal urusan sesama manusia (iaitu bukan hal ibadat khusus) tidak menjadi masalah dalam Islam selagi boleh diubahsuai dan tidak bercanggah dengan kehendak hukum Islam.

Selain itu, bagi mereka yang menyelusuri sejarah Islam akan mendapati beberapa asas kepada bank sejak zaman sahabat Nabi S.A.W lagi dan zaman selepas itu, ia adalah seperti berikut :-

- 1) Khidmat Simpanan (*wadi'ah*) oleh Az-Zubair Al-'Awwam

Ibn Sa'ad mencatatkan bahawa ramai yang mendatangi Zubair dan meminta untuk disimpan wang mereka, sehingga Zubair menolak kerana merasa terbeban akan hilangnya wang tersebut sedangkan beliau sendiri langsung tidak boleh menggunakan.

Justeru, Zubair meminta penyimpan untuk menyimpan atas dasar pinjaman dan bukan lagi *wadi'ah*. Sebagaimana kataNya :-

لَا وَلَكُنْ هُوَ سَلْفٌ ، أَئِنِّي أَخْشَى عَلَيْهِ الضَّيْعَةِ

Ertinya :

*"Tidak, tapi jadikannya sebagai pinjaman, sesungguhnya aku bimbang ia hilang."*

Hasil dari tindakan Zubair ini, semakin ramai yang datang kepadanya sehingga jumlah yang dipegangnya mencecah 2,200,000 dirham. Satu jumlah yang amat besar di zaman tersebut. Sehingga terdapat penulis yang menamakannya sebagai Bank Zubair. Mungkin ia boleh dikira sebagai bank Islam yang pertama.

Melalui tindakan ini, beliau telah menukar asas konsep *wadi'ah* yang hanya menjaga amanah menyimpan tanpa boleh digunakan, kepada pinjaman yang membolehkannya untuk melaburkannya dan pada masa yang sama menjamin keselamatan wang tersebut.

Natijah keuntungan yang diperolehi oleh Zubair banyak digunakan untuk membeli aset. Menurut Az-Zahabi tatkala Zubair meninggal dibunuhi, beliau tidak meninggalkan satu dinar atau dirham, kecuali beberapa keping tanah di Ghabat, sebuah rumah di Madinah, Basrah, Kufah dan Mesir.

**"Bagi mereka yang menyelusuri sejarah Islam akan mendapati beberapa asas kepada bank sejak zaman sahabat Nabi S.A.W lagi dan zaman selepas itu"**



Selain itu juga meninggalkan hutang yang agak besar sebanyak 2,200,000 dirham iaitu nilai simpanan orang ramai yang diubah kepada pinjaman.

2) Khidmat Perbankan oleh Ibn Abbas dan Abdullah Ibn Zubair.

Diriwayatkan juga, Ibn Abbas r.a mengambil wang perak di Mekah bagi membawanya ke Kufah, dan Abdullah Bin Zubair pula menulis dan mengambil wang perak dari Kufah untuk dibawa ke Mekah dan seterusnya ke Iraq. Tindakan mereka ini merupakan salah satu dari khidmat-khidmat yang ditawarkan oleh perbankan moden seperti *credit transfer*.

Kesimpulan dari pendedahan ini terbukti bahawa khidmat-khidmat perbankan selagi mana menepati hukum Syariah adalah dibenarkan. Tambahan pula jika kewujudannya boleh memudahkan dan memberi manfaat yang banyak buat masyarakat.

Antara kemudahan yang dapat dihasilkan melalui sesebuah khidmat perbankan adalah seperti berikut :-

Menguruskan keperluan kewangan dua kelompok dalam masyarakat, iaitu satu kelompok yang mempunyai lebihan wang dan ingin melabur, menyimpan dan mendapat manfaat dari lebihan wang yang dipunyainya. Mereka terdiri dari semua orang yang mampu membuat simpanan. Mereka digelar *surplus unit*.

Satu kelompok lagi adalah mereka yang memerlukan tunai dan wang samada untuk keperluan perniagaan mereka atau asasi seperti pembelian kereta dan sebagainya. Mereka digelar *deficit unit*.

Hasil dari wujud dua kelompok ini dalam masyarakat, kewujudan bank Islam sebagai orang tengah yang dipercayai (kerana ia sebuah institusi yang dipantau dan diberi lesen oleh bank negara) boleh membantu kedua-dua kelompok bertemu dan memanfaatkan antara satu sama lain.

3) Mampu menyediakan penjagaan wang tunai yang lebih selamat berbanding penjagaan oleh individu di rumah masing-masing.

4) Menyediakan khidmat pelaburan. Ini sudah tentu baik kerana tidak semua individu yang berduit mampu mencari dan memutuskan pelaburan apa yang terbaik dan selamat baginya. Justeru, kewujudan bank yang dipenuhi dengan para pekerja profesional yang berpengalaman dalam bidang ini mampu memberikan manfaat kepada orang ramai.

Ini hanyalah antara beberapa perkara yang menunjukkan kewujudan bank dalam sistem kewangan Islam adalah diterima selagi mana semua manfaat yang disebutkan di atas dapat dikawal selia dalam lingkungan hukum Islam.

Sekian.

Diterbitkan semula dengan keizinan bertulis daripada Ybhg. Ustaz Zaharuddin Abd Rahman.

\* Ybhg. Ustaz Zaharuddin Abd Rahman merupakan penasihat Syariah kepada beberapa buah institusi kewangan tempatan.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari <http://www.zaharuddin.net/>

Atau bacaan lengkap di dalam buku tulisan beliau berjudul "Wang Anda & Islam".



**'Kesimpulan dari pendedahan ini terbukti bahawa khidmat-khidmat perbankan selagi mana menepati hukum Syariah adalah dibenarkan. Tambahan pula jika kewujudannya boleh memudahkan dan memberi manfaat yang banyak buat masyarakat.'**

# RINGKASAN PRODUK-PRODUK PERBANKAN KONSUMER

## (Bhg. 1)

### NAMA PRODUK: AKAUN SIMPANAN MUAMALAT (*WADI'AH*)-i MUAMALAT SAVINGS ACCOUNT (*WADI'AH*)-i

1. PENGENALAN		
1.1 Ia adalah akaun simpanan di mana pelanggan menyimpan wangnya dan pada masa yang sama memberikan kebenaran kepada pihak Bank untuk menggunakan wang simpanan tersebut bagi tujuan-tujuan yang dibenarkan Syariah. Dalam situasi ini, pihak Bank perlu menjamin pulangan nilai wang yang sama kepada pelanggan. Hibah (jika ada) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan budi bicara pihak Bank.		
2. KONTRAK/PRINSIP SYARIAH		
2.1 "Al-Wadi'ah Yad Dhomana" yang bermaksud 'Simpanan dengan jaminan'. Dalam konteks Perbankan Islam, ia merujuk kepada kontrak penyimpanan wang di antara pelanggan dan Bank. Jika sekiranya pihak Bank (dengan keizinan dari pelanggan) menggunakan wang simpanan tersebut dalam membiayai aktiviti-aktivitinya, jaminan pulangan nilai wang yang sama oleh Bank kepada pelanggan adalah perlu.		
3. RUKUN-RUKUN DAN SYARAT-SYARAT		
	Rukun	Syarat-Syarat
3.1	Penyimpan (Pelanggan)	<ul style="list-style-type: none"><li>Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman.</li><li>Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan.</li><li>Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis).</li><li>Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.</li></ul>
3.2	Penerima Simpanan (Wakil Bank)	<ul style="list-style-type: none"><li>Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman.</li><li>Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan.</li><li>Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis).</li><li>Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.</li></ul>
3.3	Subjek Simpanan	<ul style="list-style-type: none"><li>Boleh atau berupaya untuk dikendalikan.</li><li>Mestilah dibawah hakmilikan/kekuasaan/autoriti penyimpan (pendeposit)</li><li>Diketahui secara jelas dan tepat.</li></ul>
3.4	'Aqad iaitu penawaran ( <i>Ijab</i> ) dan penerimaan ( <i>Qabul</i> )	<ul style="list-style-type: none"><li>Mestilah berlaku 'Aqad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan.</li><li>Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan.</li><li>Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah.</li><li>Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan.</li><li>Mestilah tawaran merujuk kepada perkara/subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya.</li></ul>
4. MODUS OPERANDI		
4.1 Pelanggan mengunjungi Bank untuk membuka akaun simpanan dengan mendepositkan sejumlah wang kepada Bank sebagai simpanan.		
4.2 Berdasarkan amalan dan kebiasaan pihak Bank, wang simpanan ini akan digunakan bagi tujuan-tujuan perbankan dan pelaburan yang dibenarkan Syariah.		
4.3 Dalam masa yang sama, pihak Bank akan menjamin wang simpanan tersebut. Pihak pelanggan boleh mendapatkan wangnya pada bila-bila masa (tertakluk kepada waktu operasi pihak Bank).		
4.4 Hibah (jika ada) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan budi bicara pihak Bank.		

**NAMA PRODUK: AKAUN SIMPANAN MUAMALAT (*MUDHARABAH*)-i @ ONE REACH  
MUAMALAT SAVINGS ACCOUNT (*MUDHARABAH*)-i @ ONE REACH**

<b>1. PENGENALAN</b>		
1.1 Ia adalah satu akaun pelaburan yang mempunyai ciri-ciri akaun simpanan, di mana pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mengusahakan modal pelanggan di dalam aktiviti pelaburan yang dibenarkan Syariah. Hasil keuntungan daripada pelaburan ini akan dibahagikan di antara kedua-dua pihak berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui bersama.		
<b>2. KONTRAK/PRINSIP SYARIAH</b>		
2.1 "Al-Mudharabah" yang bermaksud 'perkongsian keuntungan', ia merujuk kepada kontrak di mana pemilik modal menyerahkan modalnya kepada pengusaha untuk diusahakan dan keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan tersebut dikongsi oleh kedua-dua pihak berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama. Jika berlaku kerugian, pemilik modal akan menanggung segala kerugian modalnya manakala pengusaha tidak menanggung kerugian dari segi modal, akan tetapi rugi dari segi kerja, tenaga dan masa.		
<b>3. RUKUN-RUKUN DAN SYARAT-SYARAT</b>		
	Rukun	Syarat-Syarat
3.1	Pemodal ( <i>Rab al-Mal</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman.</li> <li>● Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan.</li> <li>● Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)</li> <li>● Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.</li> </ul>
3.2	Pengusaha ( <i>Mudharib</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman.</li> <li>● Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan.</li> <li>● Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)</li> <li>● Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.</li> </ul>
3.3	Perkara yang dikontrakkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Modal <ul style="list-style-type: none"> <li>● Hendaklah terdiri daripada matawang tunai yang ditentukan semasa '<i>Aqad</i>'.</li> <li>● Hendaklah diketahui kadar modal.</li> <li>● Hendaklah tunai, wujud dan bukan berbentuk hutang.</li> <li>● Hendaklah diserahkan kepada pengusaha (<i>Mudharib</i>).</li> </ul> </li> <li>ii. Projek/Usaha (<i>Mudharabah Mutlaqah</i>) <ul style="list-style-type: none"> <li>● Hendaklah pengusaha diberi kebebasan untuk menjalankan sesuatu projek tanpa sebarang sekatan dalam urusan perniagaan.</li> </ul> </li> <li>iii. Penentuan Keuntungan <ul style="list-style-type: none"> <li>● Hendaklah keuntungan itu diketahui kadarnya.</li> <li>● Hendaklah keuntungan itu dalam nisbah peratusan.</li> </ul> </li> </ul>
3.4	' <i>Aqad</i> iaitu penawaran ( <i>Ijab</i> ) & Penerimaan ( <i>Qabul</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mestilah berlaku '<i>Aqad</i> iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (<i>lafaz</i>), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan.</li> <li>● Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan.</li> <li>● Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah.</li> <li>● Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan.</li> <li>● Mestilah tawaran merujuk kepada perkara/subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya.</li> </ul>
<b>4. MODUS OPERANDI</b>		
4.1 Pelanggan datang ke Bank untuk membuka akaun dan memberi wang (modal) kepada Bank. Dalam masa yang sama, kedua-dua pihak bersetuju atas nisbah pembahagian keuntungan yang akan diperolehi daripada aktiviti pelaburan kelak. 4.2 Bank akan menggunakan modal ini bagi tujuan pelaburan yang dibenarkan Syariah. 4.3 Keuntungan yang diperolehi hasil daripada aktiviti pelaburan, akan dibahagikan di antara kedua-dua pihak berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui.		

# APLIKASI *Wa'd* DALAM PRODUK PERBANKAN

Oleh: YBhg. Ustaz Haji Azizi Che Seman

Isu penggunaan *wa'd* dan *muwa'adah* dalam produk perbankan dan kewangan Islam merupakan isu yang telah lama dibincangkan. Walaupun terdapat pandangan fuqaha' yang mengharuskan penggunaan *wa'd mulzim*, namun pengaplikasiannya dalam produk perbankan dan kewangan Islam masih boleh diperbincangkan memandangkan bentuk pengaplikasian yang berbeza dibuat oleh bank dan institusi kewangan Islam. Adalah menjadi suatu kebimbangan jika berlaku kesilapan dalam pengaplikasian *wa'd* dalam pembangunan dan penawaran produk perbankan dan kewangan Islam oleh institusi-institusi berkenaan.

Tulisan ini akan cuba untuk mengupas konsep *wa'd* dan *muwa'adah* serta pandangan fuqaha' mengenainya. Huraian seterusnya adalah berkaitan produk-produk perbankan dan kewangan Islam yang menggunakan konsep ini.

## DEFINISI

Perkataan *al-wa'd* dari segi bahasa dan istilah fuqaha' bermaksud: "Pernyataan oleh seseorang tentang sesuatu tindakan yang akan dilakukan pada masa hadapan yang ada kaitan dengan individu lain, tidak kira sama ada tindakan itu baik atau sebaliknya".

Istilah *muwa'adah* dari segi bahasa bermaksud mewujudkan dua *wa'd* dari dua individu. Orang pertama menjanjikan sesuatu kepada orang kedua, sementara orang kedua menjanjikan sesuatu kepada orang pertama.

Dari segi istilah pula, ia merujuk kepada pernyataan yang dibuat oleh dua individu berkenaan keinginan mereka untuk mewujudkan sesuatu aqad pada masa hadapan yang kesan/implikasi aqad tersebut akan kembali kepada kedua-dua individu berkenaan. Istilah ini banyak digunakan oleh fuqaha' Maliki.

Dari definisi yang diberikan, boleh disimpulkan bahawa *wa'd* berbeza dengan *muwa'adah* dari segi komitmen sama ada oleh satu pihak atau dua pihak.

## WA'D MENGIKAT DAN TIDAK MENGIKAT

Pada dasarnya tiada perselisihan di kalangan fuqaha' dari aspek *ilzamnya* sesuatu janji dari perspektif agama, dengan ertikata ia yang melanggarnya telah melakukan dosa. Namun sama ada sifat *ilzam* tersebut boleh diteruskan sehingga ke domain perundangan, para fuqaha' tidak sepakat.

Terdapat empat pandangan fuqaha' berkenaan status *wa'd* dari segi mengikat atau tidak mengikat (*ilzam*):

1. Jumhur (Hanafi, Syafi'i, Hanbali dan Maliki) – *wa'd* hanya mengikat dari segi agama sahaja dan tidak mengikat dari segi perundangan. Ini kerana *wa'd* adalah aqad *tabarru'* dan aqad *tabarru'* pula bersifat tidak mengikat seperti aqad *hibah*.

2. Ibn Syubrumah, Ishaq ibn Rahawayh, al-Hasan al-Basri – *wa'd* mengikat dari segi perundangan.

3. Sebahagian fuqaha' Maliki – *wa'd* mengikat dari aspek perundangan jika dikaitkan dengan sesuatu sebab, walaupun subjek yang dijanjikan tidak termasuk dalam sebab berkenaan. Contohnya: seseorang menyatakan "saya ingin berkahwin, atau ingin membeli sesuatu, atau ingin menjelaskan hutang saya; jadi pinjamkan saya wang".

4. Mazhab Maliki dalam pandangan yang masyhur yang juga merupakan mazhab Ibn al-Qasim – *wa'd* mengikat dari aspek perundangan. Ia dikaitkan dengan sesuatu sebab dan subjek yang dijanjikan termasuk dalam sebab berkenaan. Contohnya: Seorang yang membeli seorang hamba dan meminta seorang lain menolongnya dalam bentuk bantuan kewangan seribu dirham. Orang yang diminta tolong tersebut menyanggupinya dan berjanji untuk membayarnya. Maka pembiaya itu terikat dengan janji yang dibuat.

## APLIKASI WA'D DALAM PRODUK PERBANKAN

Umumnya *wa'd* memang menjadi suatu elemen yang biasanya wujud dalam kebanyakan produk perbankan. Walau bagaimanapun, di sini akan dijelaskan tiga bentuk aqad pendasar yang mempunyai kaitan secara langsung dengan *wa'd* serta beberapa contoh yang berkaitan.

### A. BUYU'

Perbincangan berkaitan aplikasi *wa'd* dalam produk berasaskan jual beli pada dasarnya boleh dilihat dalam produk *murabahah*. Perbincangan yang agak terperinci telah dilakukan oleh al-Qaradawi dalam buku beliau *Bay' Murabahah li al-Amir bi al-Syira'*. Dalam produk ini, pembeli berjanji akan membeli barang yang telah dibelikan oleh bank.

Ciri *wa'd* juga wujud dalam produk berasaskan *'inah* atau *tawarruq*. Dalam keadaan pertama, janji dibuat oleh pelanggan untuk menjual semula subjek aqad kepada pihak bank setelah subjek itu diperolehinya melalui jual beli pertama (ini boleh juga dilihat sebagai salah satu syarat yang diletakkan dalam jual beli *'inah*). Dalam keadaan kedua pula (*tawarruq*), kadang-kadang terdapat klausa yang mengikat pihak pelanggan untuk menjual barang yang telah dibeli dari pedagang pertama hanya kepada pedagang kedua.

### B. IJARAH

Produk pembiayaan menggunakan aqad *al-ijarah thumma al-bay'* menggunakan konsep *wa'd* di mana bank berjanji akan menjual aset yang disewa setelah tempoh sewaan tamat. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat beberapa variasi kepada bentuk pembiayaan seumpama ini.



### C. SYIRKAH

Perkembangan dalam industri perbankan dan kewangan Islam menyaksikan produk-produk baru berlandaskan *syirkah* atau *musyarakah* ditawarkan kepada pelanggan. Dalam *syirkah mutanaqisah* umpamanya, *wa'd* wujud dalam bentuk janji yang dibuat oleh pelanggan untuk membeli bahagian (saham) bank dalam *syirkah* tersebut dengan harga tertentu yang biasanya ditentukan di peringkat awal.

Salah satu produk yang berkaitan dengan *syirkah mutanaqisah* adalah kemudahan perkongsian di antara bank dengan syarikat yang mengendalikan sesuatu perniagaan tertentu. *Syirkah* dibentuk di antara bank dengan syarikat berkenaan, di mana kedua-dua pihak akan menyumbangkan sejumlah modal tertentu untuk sesuatu tujuan tertentu.

*Wa'd* dibuat dalam bentuk syarikat berjanji untuk membeli semula saham bank dalam perkongsian tersebut berdasarkan formula tertentu dengan harga yang biasanya merupakan nilai keseluruhan sumbangan awal bank.

Variasi kepada produk ini adalah pembiayaan dalam bentuk *syirkah al-'inan* di mana pembelian saham bank oleh pelanggan dilakukan secara 'lump sum' di hujung tempoh perkongsian yang ditetapkan.

Produk kedua adalah melibatkan pembiayaan perumahan berdasarkan *syirkah mutanaqisah*. Dalam pembiayaan ini, pihak pelanggan dan bank bersama-sama menyumbangkan modal untuk pembelian rumah yang didiami pelanggan. Pelanggan seterusnya berjanji untuk membeli semula bahagian yang dimiliki bank dalam suatu jangka masa tertentu. Selain itu, pelanggan juga memeterai perjanjian (aqad) *ijarah* untuk bahagian yang dimiliki oleh bank dalam sesuatu tempoh.

Dalam kedua-dua contoh di atas, biasanya pelanggan berjanji untuk membayar nilai par bahagian yang dimiliki oleh bank di peringkat awal. Keadaan ini, walau bagaimanapun, berkemungkinan akan membawa kepada wujudnya jaminan modal dalam aqad *syirkah* ini.

### KESIMPULAN

Dari penjelasan di atas, boleh disimpulkan bahawa penggunaan *wa'd* sebenarnya adalah untuk melindungi kepentingan pihak bank walaupun dalam sesetengah keadaan ia juga boleh diaplิกasikan untuk menjaga kepentingan pihak pelanggan. Isu yang timbul di sini adalah: adakah penggunaan *wa'd* itu akan membawa kepada pelanggaran *muqtada* aqad dalam sesetengah keadaan?

Persoalan ini perlu ditangani dengan teliti kerana dibimbangi ia boleh menyebabkan terbatalkan aqad yang mendasari sesuatu produk.

\* Beliau merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah Ekonomi, Aqqademi Pengajian Islam Universiti Malaya , merangkap Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad.

# SHARIAH GLOSSARY

NO	TERM	DEFINITION
1.	<i>Aqad</i>	Contract.
2.	<i>Bay' Bithaman Ajil</i>	A contract of sale and purchase of an asset in which the payment of price is deferred and paid in installment within an agreed period of time. The selling price includes profit.
3.	<i>Bay' Dayn</i>	Sale of debt that is created under Shariah compliant business activities.
4.	<i>Bay' 'Inah</i>	A contract of sale and purchase of an asset whereby the seller sells to buyer in cash and subsequently buys back the asset at a marked up deferred price or vice versa.
5.	<i>Bay' Ma'dum</i>	Buying and selling something that does not exist.

## SOLAT JEMAAH & Sains




Diceritakan bahawa seorang profesor dalam bidang fizik di sebuah universiti di Amerika Syarikat telah membuat satu kajian tentang mengapa solat berjamaah disyariatkan dalam Islam dan kelebihan solat berjamaah tersebut dalam kehidupan umat Islam. Menurut profesor itu, tubuh badan kita ini mengandungi dua cas elektrik iaitu cas positif dan negatif.

Dalam perjalanan hidup kita sehari-hari, kita akan menggunakan tenaga dan dalam proses pembakaran tenaga ini banyak berlaku pertukaran cas positif dan negatif yang menyebabkan ketidakseimbangan cas-cas tersebut dalam tubuh kita. Inilah yang menyebabkan kita berasa letih dan lesu setelah selesai menjalankan aktiviti seharian kita. Cas-cas ini perlu diseimbangkan semula untuk memulihkan tubuh badan kita kepada keadaan normal supaya kita kembali segar.

Beliau mengkaji kaitan solat berjamaah dan fungsinya dalam menyeimbangkan cas-cas dalam badan kita. Semasa kita solat berjamaah, kita disuruh meluruskan saf, bahu bertemu bahu dan tumit bertemu tumit. Terdapat pelbagai hikmah

disyariatkan seperti itu, namun menurut sains, pergeseran tubuh kita dengan tubuh jamaah lain yang berada di kiri dan kanan kita akan mengeluarkan cas-cas yang berlebihan dan cas yang berlawanan akan ditarik ke dalam tubuh kita. Semakin lama pergeseran ini berlaku, semakin seimbang cas dalam tubuh kita.

Dalam proses membuat kajian ini, beliau mendapati bahawa Islam adalah satu agama yang lengkap dan segala amalan dan suruhan Allah S.W.T itu mempunyai hikmah yang tersirat di dalamnya untuk kebaikan umat Islam itu sendiri. Beliau merasakan betapa kerdilnya beliau dan betapa besarnya pencipta segala pencipta, raja segala raja. Pada waktu inilah, beliau telah diberi hidayah oleh Allah S.W.T untuk memeluk agama Islam. Wallahu'a'lam.



# ISLAMIC FOREX TRADING

Series Part 1



## The Basic Exchange Contracts

There is a general consensus among Islamic jurists on the view that currencies of different countries can be exchanged on a spot basis at a rate different from unity, since currencies of different countries are distinct entities with different values or intrinsic worth, and purchasing power. There also seems to be a general agreement among a majority of scholars on the view that currency exchange on a forward basis is not permissible, that is, when the rights and obligations of both parties relate to a future date.

However, there is considerable difference of opinion among jurists when the rights of either one of the parties, which is same as obligation of the counterparty, is deferred to a future date. To elaborate, let us consider the example of two individuals A and B who belong to two different countries, India and US respectively. A intends to sell Indian rupees and buy U.S dollars. The converse is true for B. The rupee-dollar exchange rate agreed upon is 1:20 and the transaction involves buying and selling of \$50.

The first situation is that A makes a spot payment of Rs1000 to B and accepts payment of \$50 from B. The transaction is settled on a spot basis from both ends. Such transactions are valid and Islamically permissible. There are no two opinions about the same. The second possibility is that settlement of the transaction from both ends is deferred to a future date, say after six months from now. This implies that both A and B would make and accept payment of Rs1000 or \$50, as the case may be, after six months. The predominant view is that such a contract is not Islamically permissible. A minority view considers it permissible.

**“However, there is considerable difference of opinion among jurists when the rights of either one of the parties, which is same as obligation of the counterparty, is deferred to a future date.”**

**Narrated Abu Huraira:**

**The Prophet said, “If I had gold equal to the mountain of Uhud, I would love that, before three days had passed, not a single Dinar thereof remained with me if I found somebody to accept it excluding some amount that I would keep for the payment of my debts.”**

The third scenario is that the transaction is partly settled from one end only. For example, A makes a payment of Rs1000 now to B in lieu of a promise by B to pay \$50 to him after six months. Alternatively, A accepts \$50 now from B and promises to pay Rs1000 to him after six months. There are diametrically opposite views on the permissibility of such contracts which amount to *bay'-salam* in currencies.

The purpose of this paper is to present a comprehensive analysis of various arguments in support and against the permissibility of these basic contracts involving currencies. The first form of contracting involving exchange of countervales on a spot basis is beyond any kind of controversy. Permissibility or otherwise of the second type of contract in which delivery of one of the countervales is deferred to a future date, is generally discussed in the framework of riba prohibition. Accordingly we discuss this contract in detail in section 2 dealing with the issue of prohibition of riba.


Permissibility of the third form of contract in which delivery of both the countervales is deferred, is generally discussed within the framework of reducing risk and uncertainty or gharar involved in such contracts. This, therefore, is the central theme of section 3 which deals with the issue of gharar. Section 4 attempts a holistic view of the Shariah relates issues as also the economic significance of the basic forms of contracting in the currency market.

Written by:

Dr Mohammed Obaidullah, Xavier Institute of Management,  
Bhubaneswar 751 013, India  
Mail to: obeid@ximb.stpbh.soft.net

Sources from:

<http://www.zaharuddin.net/content/view/300/72/>



# SEJARAH RINGKAS

## PERKEMBANGAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA\*

Apabila membicarakan tentang sistem perbankan Islam, secara tidak langsung ia akan melibatkan prinsip transaksi yang berlandaskan Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa transaksi Islam telah diperaktikkan di Tanah Melayu seawal abad ke-16 lagi. Prinsip ini dapat dilihat di dalam undang-undang Melaka. Apa yang jelas, kebanyakan negeri-negeri ketika zaman sebelum kemerdekaan turut dipengaruhi oleh undang-undang Melaka termasuklah yang melibatkan aspek transaksi Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pelaksanaan undang-undang Islam di negeri-negeri tersebut berterusan sehingga campur tangan Inggeris.

Walaubagaimanapun, undang-undang Melaka tidak banyak menyentuh perkara berkaitan dengan muamalat. Ia hanya dinyatakan dalam beberapa fasal sahaja iaitu bermula daripada fasal 29 hingga fasal 34.2. Namun apa yang menarik, ia ada memperuntukkan dalam satu fasal tentang larangan riba dalam soal jual-beli atau pertukaran iaitu dalam fasal 30 yang menyentuh undang-undang tentang penjualan dan larangan terhadap riba (usury) dalam urusniaga.

Satu lagi bukti pemakaian prinsip transaksi Islam adalah amalan jual janji (conditional sale). Salleh Buang menyifatkan jual janji menyerupai prinsip transaksi Islam yang dikenali sebagai *al-bay' al-Wafa'* iaitu jualan dengan pilihan untuk membeli balik. Masyarakat Melayu terutamanya kepada para petani di Kedah, Perlis, utara Perak dan Kelantan sebelum zaman pra penjajah lagi telah mengamalkannya. Amalan tersebut diamalkan kerana mereka tidak mahu terlibat dengan pembiayaan pinjaman yang berasaskan bunga yang diuruskan oleh institusi ceti pada waktunya.

Budaya aqad jual janji ini telah mendapat perhatian dalam perundangan oleh hakim-hakim Inggeris dalam keputusan yang dibuat. Dalam kes Tengku Zaharah Iwn. Che Yusuf, hakim Briggs memutuskan bahawa tujuan transaksi jual janji ialah untuk mendapatkan kemudahan kredit ( hutang) dan memberikan kepada pemberi pinjaman (pemberi tanah) bayaran gantirugi yang sepadan tanpa terlibat dengan amalan bunga (usury) yang mana orang Islam dilarang terlibat dengannya.

Manakala dalam kes Mohamed Isa Iwn. Haji Ibrahim, Hakim Azmi telah membuat kenyataan yang sama dan amalan yang menjadi kebiasaan para petani Kedah pada dasarnya ialah transaksi jual janji di mana penjual mempunyai hak untuk membeli semula hartanya dan untuk membolehkan pembeli (peminjam wang) mengambil manfaat daripada transaksi yang sah menurut undang-undang Islam. Apa yang jelas, amalan jual janji ini sehingga kini masih lagi diterimakan dan diiktiraf oleh undang-undang Malaysia dan diperuntukkan dalam Seksyen 4 (2) Kanun Tanah Negara.

Dapat dirumuskan bahawa ketika zaman sebelum kedatangan penjajah sememangnya tidak wujud satu sistem perbankan Islam yang komprehensif. Malah sebuah institusi perbankan yang khusus juga masih belum wujud. Masyarakat ketika itu hanyalah mempraktikkan transaksi-transaksi ringkas dalam urusan harian mereka seperti jual beli, sistem tukar barang (barter), jual janji dan lain-lain. Walaubagaimanapun, setelah kedatangan penjajah Barat pada abad ke-19, barulah sistem perbankan mula diperkenalkan.

Institusi perbankan pertama sekali di Malaysia ialah The Chartered Merchant Bank of India, London and China, yang telah ditubuhkan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1859. Bank ini diwujudkan untuk membiayai aktiviti perlombongan dan perindustrian serta menawarkan beberapa kemudahan kewangan bagi perdagangan antarabangsa serta kemudahan lain pada masa itu. Namun, ketika itu masih belum wujud satu institusi yang khusus mengaplikasikan konsep sistem perbankan Islam di Malaysia. Idea penubuhan perbankan Islam di Malaysia berlangsung secara beransur-ansur. Penubuhannya adalah hasil daripada pengalaman yang dilalui oleh beberapa institusi kewangan Islam lain di Malaysia. Institusi yang pertama sekali yang mengamalkan konsep transaksi Islam ialah Lembaga Tabung Haji (LTH) atau sebelum ini dikenali sebagai Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji.

ia ditubuhkan pada tahun 1969 dan berfungsi untuk membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji dan melibatkan diri dalam bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan, perladangan dan harta tanah melalui cara yang halal di sisi Islam.

Seterusnya, ekoran daripada kejayaan penubuhan bank-bank Islam di beberapa buah negara seperti di Qatar, Mesir, Pakistan dan Iran, umat Islam di Malaysia juga telah menyuarakan hasrat supaya bank Islam ditubuhkan di negara ini. Malah penulis berpandangan perkembangan perbankan Islam pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 adalah kesan daripada proses Islamisasi yang berlaku hasil daripada tokoh-tokoh reformis Islam ketika itu yang memberi impak kepada masyarakat Islam untuk mengamalkan ajaran Islam secara total dalam kehidupan mereka meliputi soal politik, sosial dan ekonomi. Maka kerana itulah juga wujud gelombang pembaharuan dikalangan umat Islam untuk menubuhkan satu sistem perbankan Islam.

Oleh itu di Malaysia, beberapa pihak telah menyeru kerajaan menubuhkan sebuah bank Islam dan meminta kerajaan mengambil tindakan segera menggubal undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank dan institusi kewangan yang beroperasi berlandaskan prinsip Islam. Maka pada 30 Julai 1981, kerajaan telah melantik Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam (National Steering Committee) yang dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman dan LTH dilantik sebagai urusetia.

Pada bulan Julai 1982, jawatankuasa tersebut telah menyerahkan laporan mereka kepada kerajaan. Di samping mencadangkan satu kerangka asas untuk sistem perbankan Islam di Malaysia, ia juga membuat beberapa cadangan untuk pelesenan dan penyeliaan serta pengawasan sebuah bank Islam. Akhirnya bagi membuka jalan untuk penubuhan bank Islam di Malaysia, kerajaan telah meluluskan Akta Bank Islam 1983 (ABI) dan mula berkuatkuasa pada 7 April 1983.

Dengan penggubalan Akta Bank Islam 1983, maka Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah ditubuhkan pada Julai 1983 sebagai

bank Islam pertama di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Objektif utama penubuhannya ialah untuk berusaha menjalankan operasi sebagai bank perdagangan berlandaskan hukum Syarak dan menyediakan kemudahan kepada semua rakyat negara ini. Seperti bank-bank lain, Bank Negara Malaysia (BNM) diberi kuasa di bawah Akta Bank Islam untuk mengawal selia bank Islam.

Sejak prinsip dan matlamat BNM untuk merealisasikan sistem perbankan Islam di seluruh Malaysia, Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) telah diperkenalkan pada Mac 1993. Melalui skim ini, institusi perbankan konvensional dibenarkan menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam dengan menggunakan prasarana yang sedia ada termasuk kakitangan dan cawangan. Buat permulaan, skim ini dianggap satu perintis yang melibatkan tiga buah bank.

Pada tahun 1998, BNM telah menjalankan satu kajian semula terhadap perbankan Islam dan mendapati penggunaan istilah "SPTF" tidak mencerminkan penampilan sebenar operasi perbankan Islam yang dilaksanakan oleh institusi perbankan. Oleh itu BNM telah menggantikan istilah "SPTF" dengan "Skim Perbankan Islam (SPI)" berkuatkuasa 1 Disember 1998. Perkembangan sistem perbankan Islam semakin berkembang apabila pada 1 Oktober 1999, sebuah lagi bank Islam bernama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ditubuhkan. Ia dianggap sebagai bank Islam kedua di Malaysia muncul setelah adanya usaha kerajaan untuk memperkuuhkan sektor perbankan Islam bagi memenuhi pertambahan permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan perbankan Islam.

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia adalah berdasarkan dua bentuk utama iaitu institusi perbankan Islam secara total seperti BIMB dan BMMB dan yang kedua ialah institusi perbankan konvensional yang menyertai SPI yang diperkenalkan kerajaan. Apa yang jelas, sistem perbankan Islam di Malaysia semakin berkembang dari masa ke semasa. Ini juga selaras dengan aspirasi kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai hub perbankan dan kewangan Islam yang terulung di dunia.

\*Sumber daripada : <http://syafiqe.wordpress.com/>

# ISSUES OF IMPLEMENTING Islamic Hire Purchase in Dual Banking Systems: Malaysia's Experience

## INTRODUCTION

For more than two decades, Islamic banking in most locales has survived the challenge of operating side by side with its conventional counterpart, which is particularly the case with the “dual banking” systems in Malaysia, Egypt, and Saudi Arabia. The dual banking system of Malaysia is uniquely characterized among other countries as a tightly governed legal system, where separate regulatory systems for Islamic banks and other banks are operating side by side.

Stiff competition between Islamic products and longstanding conventional instruments in the dual financial market has effectively resulted in Islamic banking products that are more sophisticated and have a more diversified range than those offered in single Islamic systems. The challenge of surviving in such competitive markets requires innovative efforts in designing Islamic financial products to satisfy conventional needs of sophisticated customers, which, however, have to be clearly guided by Shariah principles to ensure Islamic legitimacy.

One such innovation is the Islamic hire-purchase mode of financing, commonly known as *ijarah wa-iqtina'*. Islamic hire purchase is a unique contract involving a combination of leasing (*ijarah*) and sale at different stages of the transaction, thus invoking a number of jurist, legal, and practical issues. The main reason why the *ijarah* contract has become one of the most popular financing modes is the fact that few people can afford to buy a house or land on a cash basis. Different countries use different terminologies in referring to the concept of *ijarah wa-iqtina'*. Nevertheless, the mechanisms used, in general, do not differ significantly. Malaysia is one of the countries that takes special care to distinguish the Islamic concept of *ijarah wa-iqtina'* from its conventional counterpart.

## THE OPERATION OF ISLAMIC HIRE PURCHASE IN MALAYSIA

In Malaysia, *ijarah wa-iqtina'* is commonly known as *al-ijarah thumma al-Bay'*, which is abbreviated in the commercial practice as AITAB. It combines a lease contract and sale contract in one trading document, but the contract of leasing and sale work separately: first, the contract of leasing will operate, whereby the lessee will pay monthly rental to the lessor within a fixed period. Upon expiry of the leasing or rental period, the hirer has the option to enter into a second contract to purchase the goods from the owner at an agreed-upon price. In this event, the purchase price will be determined according to the value of the goods, market condition, and necessary profit to the bank. The purchase price cannot be predetermined at the

beginning of the hire purchase agreement, because a predetermined contract is clearly prohibited by Shariah. Hence, AITAB involves three main parties: customer, financing company, and vendor.

Using, for the sake of illustration, the common example of motor vehicle financing, AITAB operates as follows:

- 1) Finance company buys the vehicle from vendor or car dealer, to the order of customer.
- 2) Finance company rents the vehicle to the customer at a rate agreed upon for a specified period of time.
- 3) The customer (hirer) agrees to pay for road tax and insurance coverage. He also responsible for its maintenance.
- 4) At the end of the period, the finance company and the customer will sign the sale and purchase agreement.

A rebate, or *ibra'*, can be given for early settlement, according to a standard formula provided by the Hire-Purchase Act 1967. However, the rebate is not given in cash. It merely reduces the balance outstanding. Currently, AITAB is limited to the financing of certain items such as motor vehicles, due to their popularity in the present customers' demand.

## A COMPARISON WITH CONVENTIONAL HIRE PURCHASE IN THE MALAYSIAN CONTEXT

Hire purchase aims to protect the interest of the hirer, in particular, and other parties involved such as owner and guarantor, in general. Interestingly, we will find that most principles in hire purchase are in fact in line with Shariah, except in certain aspects, which are then highlighted. Due to this close similarity, many financiers appear to refer to both transactions as one and use the terminology interchangeably.

This equating of the two poses a problem in a dual banking system in which Islamic hire purchase operates side by side with its conventional counterpart, sometimes under the same roof. In fact, Islamic hire purchase should be clearly distinguished from the conventional one because both rest on different principles, though in practice they may seem to be quite similar. There are some important differences between the two from a Shariah point of view. This section will present comparative features between Islamic hire purchase and conventional hire purchase from a Shariah, as well as from a practical, perspective.

## **COMPARATIVE FEATURES FROM SHARIAH PERSPECTIVE**

First, there are certain technical terms relating to the transactions that must be put in the right context. To illustrate, a hire-purchase transaction is commonly perceived as an ordinary type of loan. Islamic hire purchase, on the other hand, is regarded as a financing instrument. The former results in a relationship of debtor and creditor between the bank and customer, whereas in the latter transaction there is a sale and purchase executed between the bank as seller and the customer as the buyer. One of the most important elements in any Islamic transaction is that its origin and purpose must be legal. Hence, a customer whose income derives from any forbidden source or who intends to use hire purchase for illegal activities—for instance, alcohol, gambling, or prostitution—cannot take out an Islamic hire-purchase facility.

An Islamic Hire Purchase facility is applicable to all types of goods, movable or immovable, including real property. By contrast, the application of conventional hire purchase is limited to consumer goods, motor vehicles, and machineries (non-Act goods).<sup>2</sup> Hence, buying a house or other immovable property cannot be done using a conventional hire-purchase facility.

There is a basic difference in documentation. Under conventional hire purchase, a customer needs to sign a standard agreement as specified by the Hire Purchase Act 1967, but under Islamic hire purchase he will need to sign two agreements: a hiring agreement ('Aqad ijarah) and a sale and purchase agreement ('Aqad Bay').

The purchase price of goods in conventional hire purchase is determined by adjusting for timing its cost price with the prevailing interest rate. The interest rate is floating based on the annual rate. In contrast, the purchase price in Islamic hire purchase is calculated by adding to the cost price an agreed-upon amount of profit based on the murabahah principle. The profit is determined based on market value at the time of agreement. Installments or periodic payments are computed by dividing the purchase price by period of agreement, which is usually in months (12 months, or more).

Regarding responsibility, during the course of the Islamic hire-purchase transaction, the owner will bear basic and structural maintenance of the goods, while the hirer is made responsible for operational and routine maintenance since he constantly uses the goods. However, in conventional hire purchase, all costs and responsibility of maintenance shall be borne by the hirer alone.

to be continued ...  
(This article is taken with permission from [www.isra.com](http://www.isra.com))

---

**Imam Nawawi r.a berkata :**

**“ Telah ijma’ seluruh ulama’ Islam tentang pengharaman riba dan ianya termasuk dalam kategori dosa besar, dan dikatakan juga riba diharamkan oleh semua agama, antara yang berpendapat demikian adalah Imam al-Mawardi...”**



# Sifat-Sifat Mahmudah (Terpuji)

## 1. Hikmah

Berpengetahuan luas dan bijaksana, bertindak berlandaskan Al-Quran, Al-Sunnah dan alam Syahadah serta dapat memberi alasan yang munasabah dan bukti yang sesuai.

## 2. Rasional

Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata, mampu membuat pertimbangan, keputusan dan tindakan dengan tepat berlandaskan ilmu naqli dan aqli.

## 3. Celik akal

Pintar, cerdas dan berkemampuan memahami sesuatu dengan cepat dan tepat.

## 4. Ma'rifah

Pengetahuan yakin dan pengalaman yang membolehkan seseorang menjelaskan dan mengamalkan prinsip dan asas-asas Islam.

## 5. Bercakap benar

Melahirkkan kata-kata yang bernes, betul, dan jitu serta bertepatan dengan prinsip-prinsip Islam secara berhikmah untuk faedah semua.

## 6. Menegakkan kebenaran

Yakin dan berpegang teguh kepada kebenaran serta sentiasa menegakkan kebenaran dengan hikmah.

## 7. Kesyukuran

Perasaan, ucapan dan perlakuan yang dilahirkan dengan ikhlas terhadap segala nikmat kurniaan Allah S.W.T, sabar dan redha menerima ketentuan dan dugaanNya.

## 8. Takutkan Allah S.W.T.

Perasaan takut dan kagum akan kehebatan Allah S.W.T. yang mendorong seseorang melakukan ketaatan dan meninggalkan laranganNya.

## 9. Kerajinan

Usaha berterusan dengan penuh semangat ketekunan, kecekalan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara untuk mencapai kecemerlangan.

## 10. Prihatin

Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat, menyedari masalah masyarakat dan sedia berusaha menyelesaiannya.

## 11. Berketerampilan

Mempunyai kemahiran yang menyeluruh dalam pelbagai bidang khasnya kebolehan berfikir, kemahiran belajar dan merekaicia.



# CONTACT US

For BMMB Products & Services Inquiry

1 300 88 8787

Operation Hours

9.00 am to 9.00 pm (Monday to Friday)



A Member Of  
**DRB-HICOM**



Bank Muamalat Malaysia Berhad  
Jabatan Syariah  
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,  
50100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2698 8787

[www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)